

# Bengkel dedah hak

Oleh Khairunnisa Kamarudin

nisa.kamarudin@bh.com.my

► Nilai

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menganjurkan Bengkel *Understanding the Essence of Child Rights* bagi memberi pendedahan undang-undang membabitkan keselamatan kanak-kanak, di sini, baru-baru ini.

Bengkel dikendalikan Klinik Bantuan Guaman Syariah dan Undang-Undang USIM itu mengupas pelbagai isu semasa dalam negara yang memfokuskan kepada aspek keselamatan serta penganiayaan kanak-kanak, disampaikan sukarelawan Persatuan Bertindak Wanita (AWAM), Thency Gunasekaran.

Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang USIM, Dr Muzaffar Syah Mallow, berkata peserta turut didedahkan dengan konsvensyen antarabangsa khusus mengenai kanak-kanak serta



**Dr Muzaffar Syah**

perundangan Malaysia termasuk Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611).

## Konsep perlindungan

"Undang-undang mengenai perlindungan terhadap kanak-kanak di Malaysia telah wujud seawal tahun 1947 dengan adanya Akta Kanak-kanak dan Orang Muda, Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dan Akta Perlindungan Kanak-kanak pada 1991.

"Bagaimanapun, wujud keperluan untuk mengubah hala tuju konsep perlindungan

# keselamatan kanak-kanak

kanak-kanak dan pembaharuan di dalam undang-undang sejajar dengan perkembangan semasa," katanya.

Oleh itu, katanya, akta khusus dan komprehensif

mengenai kanak-kanak telah digubal dan diluluskan iaitu Akta Kanak - Kanak 2001 (Akta 611), berkuat kuasa pada 1 Ogos 2002.

Melalui bengkel itu,

katanya, peserta turut didedahkan dengan kepentingan peranan ibu bapa ataupun penjaga dalam memelihara serta menjaga keselamatan anak di bawah jagaan mereka.

